

1.0 HAK MUTLAK CIDB TERHADAP PENTAULIAHAN

- 1.1 CIDB mempunyai hak mutlak untuk mengkaji dan menyelaraskan semula syarat dan peraturan yang dibuat ke atas pentauliahan ini dari semasa ke semasa.
- 1.2 CIDB mempunyai hak mutlak untuk menamatkan atau membatalkan pentauliahan ini tanpa sebarang alasan.
- 1.3 CIDB mempunyai hak mutlak untuk membuat pindaan terhadap NOSS, Modul Latihan, tempoh kursus dan kadar yuran latihan dari semasa ke semasa.
- 1.4 CIDB mempunyai hak mutlak untuk :
- 1.4.1 Melawat premis latihan bila-bila masa dalam waktu rasmi latihan dijalankan tanpa atau dengan notis kepada PLB;
 - 1.4.2 Memantau pelaksanaan latihan dan penilaian ;
 - 1.4.3 Memeriksa kemudahan dan peralatan latihan ;
 - 1.4.4 Menemubual pelatih atau personel pentauliahan ; dan
 - 1.4.5 Memeriksa dokumen berkaitan rekod latihan dan penilaian.
- 1.5 CIDB mempunyai hak mutlak untuk mengambil tindakan seperti berikut jika PLB dan personel binaan yang gagal mematuhi mana-mana syarat dan peraturan:
- 1.5.1 PLB tidak dilantik semula setelah tamat tempoh pentauliahan;
 - 1.5.2 Pembatalan serta-merta pentauliahan PLB bagi program berkaitan atau semua program yang telah ditauliahkan;
 - 1.5.3 PLB dan personel berkaitan akan di senarai hitamkan dan tidak akan dipertimbangkan untuk menjalankan atau terlibat di dalam program latihan kemahiran CIDB pada masa hadapan;
 - 1.5.4 Tindakan yang diambil disiarkan dalam laman web CIDB atau mana-mana media bercetak atau elektronik; dan

1.5.5 CIDB berhak memotong atau membatalkan bayaran latihan sekiranya terdapat sebarang penipuan atau ketidakjujuran terhadap:

- i. Bilangan dan kehadiran pelatih;
- ii. Tempoh latihan; dan
- iii. Lokasi latihan.

2.0 TANGGUNGJAWAB PUSAT LATIHAN BERTAULIAH CIDB

2.1 PLB tidak dibenar mengenakan sebarang bayaran kepada pelatih dalam tempoh latihan ke atas pelatih yang ditaja sepenuhnya oleh CIDB kecuali bayaran tertentu yang mendapat kebenaran CIDB.

2.2 PLB perlu memastikan pelatih tidak boleh menyertai program latihan kemahiran melebihi satu program latihan yang dikendalikan oleh agensi lain pada masa yang sama.

2.3 PLB hendaklah memastikan latihan yang ditauliahkan hanya dijalankan di premis seperti ditetapkan. Premis tambahan dengan tujuan untuk melengkapkan komponen latihan yang tidak dapat dilaksanakan di alamat tersebut perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan CIDB secara bertulis.

2.4 PLB perlu menguruskan permohonan kad hijau pelatih dalam tempoh tujuh **(7)** hingga empat belas **(14) hari** bekerja selepas tarikh pendaftaran dan memastikan setiap pelatih mengikuti kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan dalam bulan pertama latihan.

2.5 PLB hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada CIDB sekiranya berlaku perkara-perkara seperti berikut:

2.5.1 Pengurangan dari segi kemudahan, peralatan dan kelengkapan yang telah digunakan untuk latihan;

2.5.2 Perubahan tarikh tamat kursus latihan seperti yang telah dinyatakan dalam surat tawaran;

2.5.3 Perubahan terhadap personel pentauliahan yang terdiri daripada Pengurus Pusat Bertauliah, Pegawai Penilai dan Pengajar/Penolong Pengajar; dan

- 2.5.4** Cadangan perpindahan premis latihan perlu dipohon menggunakan **Borang Permohonan Pentauliahan Pusat dan Program Latihan Kemahiran**. PLB boleh berbuat demikian setelah mendapat kelulusan daripada CIDB.
- 2.6** PLB hendaklah memastikan sebarang peraturan yang melibatkan agensi lain perlulah dipatuhi dan CIDB tidak bertanggungjawab atas sebarang masalah yang timbul.
- 2.7** PLB hendaklah mematuhi segala peruntukan dan peraturan yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dikuatkuasa oleh mana-mana pihak berkuasa pada setiap masa.
- 2.8** Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab, PLB hendaklah berusaha untuk melaksanakan peranannya dengan sebaik-baiknya tanpa menimbulkan sebarang kesulitan atau rasa tidak puas hati kepada pelatih yang boleh menjejaskan nama baik CIDB.
- 2.9** PLB hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya atas segala tuntutan oleh mana-mana pihak atas kegagalan dan kecuaiannya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
- 2.10** Pentauliahan ini tidak boleh dipindah milik tanpa kebenaran CIDB.
- 2.11** Pentauliahan ini akan terbatal dengan sendirinya apabila pentauliahan ini telah tamat tempoh atau dibatalkan oleh CIDB.
- 2.12** Menerima arahan CIDB untuk memperbaiki sebarang perubahan kekurangan dan ketidaksesuaian dalam hal-hal berkaitan kemudahan, peralatan, kaedah latihan dan penilaian dari semasa ke semasa.
- 2.13** PLB hendaklah mengikuti syarat-syarat pelaksanaan program yang telah ditetapkan oleh CIDB dari semasa ke semasa.
- 2.14** PLB hendaklah mematuhi semua terma sekatan atau syarat-syarat yang dikeluarkan oleh CIDB dari semasa ke semasa.

2.15 PLB tidak dibenar menggunakan **logo CIDB** dalam apa bentuk sekali pun bagi sebarang aktiviti berkaitan pusat berkenaan.

2.16 PLB mestilah mengemukakan permohonan pembaharuan pentauliahan **enam (6) bulan** sebelum tarikh tempoh pentauliahan tamat.

3.0 TINDAKAN TATATERTIB

3.1 Tatatertib Pentauliahan

3.1.1 PLB dan personel binaan yang gagal mematuhi mana-mana syarat dan peraturan boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

- a.** PLB tidak akan dilantik semula setelah tamat tempoh pentauliahan.
- b.** Pembatalan serta-merta pentauliahan PLB bagi program berkaitan atau semua program yang telah ditauliahkan.
- c.** PLB dan personel berkaitan akan disenarai hitamkan dan tidak akan dipertimbangkan untuk menjalankan atau terlibat di dalam program latihan kemahiran CIDB pada masa hadapan.
- d.** Tindakan yang diambil disiarkan dalam laman web CIDB atau mana-mana media bercetak atau elektronik.

3.2 Tatatertib Perlaksanaan Latihan

3.2.1 ABM/PLB hendaklah mengambil tindakan disiplin terhadap pelatih yang melanggar peraturan.

3.2.2 Pelatih tidak dibenar menangguhkan tempoh latihan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah dan diterima oleh CIDB.

3.3 Tatatertib Penilaian

ABM/PLB yang tidak menyerahkan penyata penilaian bagi pengeluaran sijil kepada Ibupejabat CIDB dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan tindakan.

3.4 Tatatertib Persijilan

3.4.1 ABM/PLB yang tidak menyerahkan sijil kepada pelatih boleh dikenakan tindakan.

3.4.2 ABM/PLB yang menghilangkan sijil pelatih akan dikenakan denda bagi menggantikan pengeluaran sijil yang baru.

3.5 Tatatertib Tuntutan

Sekiranya tuntutan yang dikemukakan oleh ABM tidak mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh CIDB, termasuk berlakunya sebarang kecuaiian dan penipuan yang menimbulkan kemusykilan, CIDB berhak mengambil tindakan seperti berikut:

- a.** Menolak sebahagian tuntutan yang dikemukakan;
- b.** Menolak keseluruhan tuntutan yang dikemukakan;
- c.** Mengenakan denda;
- d.** Menggantung pentauliahan/pengambilan pelatih, dan
- e.** Mengambil tindakan undang-undang.